

Nama: _____

BT 141: Produk Kejayaan Negara (SP2.4.2 Rumusan)

Produk Kejayaan Negara

Angkasawan Negara

Malaysia telah berjaya menghantar angkasawan pertamanya ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada 10 Oktober 2007. Angkasawan Negara, (Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie Sheikh Mustapha) berjaya menjalankan beberapa siri eksperimen sains di stesen angkasa tersebut. Antaranya, eksperimen tentang sel kanser dan mikrob.



Produk Bioteknologi

Kejayaan negara dalam bidang bioteknologi sungguh membanggakan kita. Pelbagai produk yang bertaraf dunia berjaya dihasilkan seperti beras bermutu tinggi, antikanser daripada tumbuhan, kit pengesan penyakit malaria dan kit pengesan penyakit denggi.



MyKad

MyKad ialah sekeping kad pintar. Kad ini menggabungkan pelbagai aplikasi kerajaan dan swasta. Kad ini dapat digunakan sebagai kad pengenalan, lesen memandu, pasport, kad transit Touch 'n Go dan kad ATM. Kad ini merupakan hasil inovasi negara dalam teknologi cip dan biometrik. Dengan menggunakan kad ini, rakyat Malaysia dapat menjalankan pelbagai transaksi elektronik dengan mudah dan selamatnya. Hasilnya, kualiti dan gaya hidup rakyat Malaysia dapat ditingkatkan.



Maklumat !

ATM ialah kependekan Automated Teller Machine (Mesin Teler Automatik).

Rumusan

Malaysia telah mencapai _____ yang membanggakan dalam bidang _____. Sebagai contoh, dalam bidang sains _____, Malaysia telah berjaya menghantar _____ ke _____. Malaysia juga cemerlang dalam bidang _____ kerana dapat menghasilkan produk bioteknologi yang _____. Di samping itu, pencapaian Malaysia dalam teknologi _____ dan biometrik tidak kurang hebatnya juga. Malaysia telah mengaplikasikan kad pintar, iaitu MyKad dalam pelbagai urusan bagi meningkatkan kualiti dan _____ rakyat.

angkasawan

Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS)

sains

angkasa

gaya hidup

kejayaan

cip

bioteknologi

bertaraf dunia